

14 JUL 2002

P/raja-Litupan

BARISAN NASIONAL DAN PAS KINI MEMASUKI PERINGKAT PERTENGAHAN KEMPEN

Oleh: Jamaluddin Muhammad

ALOR SETAR, 14 Julai (Bernama) -- Sekiranya tercetus kecemasan dalam negara sekarang, tempat yang mungkin paling sesuai untuk mengadakan mesyuarat kabinet ialah di sini di mana hampir semua para menteri sedang berkempen untuk Barisan Nasional (BN) bagi menghadapi pilihan raya kecil kerusi Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit.

Pemimpin pembangkang PAS, Parti Rakyat Malaysia (PRM) dan Keadilan turut berada di sini kecuali dari DAP yang memutuskan untuk tidak bersama yang lain, sebab tidak mahu dilibatkan dengan usaha penubuhan negara Islam oleh Pas.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang mengetuai kempen BN, sentiasa dilihat setiap hari berada sama ada di Pendang atau Anak Bukit sejak hari penamaan calon Rabu lepas, kecuali pada Khamis apabila beliau terpaksa mengendalikan urusan rasmi di ibu negara.

Kempen pembangkang pula diketuai Pemangku Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Sedang kempen memasuki peringkat pertengahan hari ini, pemimpin kedua-dua belah pihak telah menyentuh pelbagai isu tentang mengapa perlunya 53,128 pengundi di Pendang dan 19,399 di Anak Bukit menyokong mereka.

BN antara lain mahukan pengundi mengambil kira tentang pembangunan, keamanan dan kekayaan yang telah dicurahkan kepada negara.

Pemimpin BN juga mahukan pengundi menolak sikap melampau, layanan tidak adil terhadap wanita, undang-undang hudud ala-PAS yang tidak adil dan menyedari tentang kegagalan PAS mentadbir Kelantan dan Terengganu.

Di pihak pembangkang pula, mereka bergantung harap kepada undi simpati ekoran kematian wakil rakyat Pendang dan Anak Bukit Datuk Fadzil Noor, yang juga Presiden PAS dan ketua pembangkang pada 23 Jun lepas.

Mereka menyeru pengundi agar mengingati kembali sumbangan Fadzil di Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri dan di kedua-dua kawasan pilihan raya berkenaan, di samping mencanangkan isu lama konon berlaku penyelewengan, rasuah serta membangkitkan isu Akta Keselamatan Dalam Negeri dan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pilihan raya kecil ini dianggap unik kerana diadakan serentak bagi kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri pada 18 Julai ini, di samping bertepatan dengan musim durian.

Raja segala buah itu yang sebelum hari penamaan calon dijual dengan harga RM1 sekilo kini mencecah RM5 sekilo.

Malahan kadar sewa rumah di Pendang yang sebelumnya antara RM80 hingga RM150 sebulan, kini naik mendadak antara RM1,000 hingga RM2,500 bagi tempoh sewaan dua minggu.

Parti-parti politik menyewa rumah bagi dijadikan pusat operasi dan tempat penginapan para petugas mereka.

Para pemimpin BN dan pembangkang di jangka melipatgandakan kempen masing-masing dalam beberapa hari lagi bagi menarik pengundi untuk mengundi sama ada 'dacing' atau 'bulan'.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang sebelum ini jarang menjejak kaki pada mana-mana kawasan pilihan raya kecil kecuali pada pilihan raya kecil kawasan Parlimen Johor Baharu sekitar pertengahan 80-an, akan berada di Pendang dan Anak Bukit esok.

Calon BN Datuk Othman Abdul akan menghadapi calon PAS Dr Mohamed Hayati Othman di Pendang sementara Datuk Zakaria Said (BN) akan menentang Haji Amiruddin Hamzah (PAS) di kawasan Anak Bukit.

-- BERNAMA  
JM KHY HM